

## **Sihir sebagai Keganasan Tersembunyi: Analisis Berdasarkan Pandangan Mangsa Gangguan Sihir**

**Noor Shakirah Mat Akhir<sup>1\*</sup>, Nurul Hidayawatie Mustaffa<sup>2</sup>,  
Norshabiha Ibrahim<sup>1</sup>**

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,  
Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 11800, MALAYSIA

<sup>2</sup>Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,  
Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 11800, MALAYSIA

\* Corresponding author

DOI: <https://doi.org/10.30880/ahcs.2023.04.01.002>

Received 14 September 2022; Accepted 15 April 2023; Available online 30 June 2023

**Abstract:** Sihir adalah perbuatan atau kejadian luar biasa yang dilakukan oleh manusia secara tersembunyi yang melibatkan perantaraan makhluk halus. Para sarjana tempatan begitu giat mengkaji tentang sihir termasuk membincangkan pelbagai kaedah untuk merawatnya. Perasaan hasad dengki, kegusaran, permusuhan serta cinta tak berbalas menjadi punca berlakunya sihir. Kepercayaan kepada makhluk halus turut menyumbang kepada perlakuan ini. Secara jelas, sihir adalah perbuatan yang menyalahi akidah dan ditegah dalam Islam. Sihir termasuk dalam kategori dosa besar yang tidak diampunkan dan pengamalannya dianggap jatuh syirik kepada Allah. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggabungkan kaedah analisis kandungan (content analysis) dan kajian lapangan. Kajian ini bertujuan mengenal pasti sihir sebagai keganasan tersembunyi dalam kalangan masyarakat tempatan. Empat orang responden telah dipilih secara bertujuan untuk menjalani soal selidik dan kaedah temu bual separa berstruktur. Soal selidik dijalankan bagi mendapatkan maklumat latar belakang responden. Sebelas tema kajian berkaitan sihir dimuatkan dalam soalan temu bual. Data kajian dianalisis menurut kaedah kualitatif serta menggunakan perisian Atlas.ti. Kajian mendapati sihir merupakan sejenis keganasan tersembunyi berdasarkan pendedahan responden dalam empat daripada sebelas tema yang dikaji. Hal ini menunjukkan amalan sihir sememangnya wujud dalam kalangan masyarakat tempatan dan masyarakat perlu dididik agar tidak melakukan dan meneruskan amalan ini sekaligus membendung amalan ini dari berleluasa.

**Kata kunci:** Sihir, makhluk halus, akidah, keganasan, tersembunyi

**Abstract:** Sorcery is an uncommonly action or incident that is secretly practised by humans with the involvement of poltergeists. Local scholars are actively studying

sorcery including discussing the various ways to cure it. Jealousy, anger, hostility, and unrequited love are the factors of sorcery. Belief in superstition also contributes to this action. Evidently, the sorcery is an action that violates the faith and is forbidden in Islam. Sorcery is categorised as a major sin that is unforgivable, and the practitioner is considered to have committed shirk. This qualitative study combined content analysis and fieldwork method. This study attempted to identify sorcery as hidden violence among the local society. Four respondents were selected purposively to complete a questionnaire and semi-structured interview. The questionnaire study was conducted to collect the background information of the respondents. Eleven research themes regarding sorcery were included in the interview questions. Data were analysed based on the qualitative methods using the Atlas.ti software. The study found the sorcery was a sort of hidden violence based on the statements from the respondents in the four out of the eleven themes studied. This showed that the sorcery indeed existed among local society, and the society should be taught not to neither practise nor continue this action and at the same time to prevent this action from becoming out of hand.

**Keywords:** Sorcery, poltergeists, creed, violence, hidden

## 1. Pengenalan

Sihir bermaksud perbuatan (atau kejadian) luar biasa yang dilakukan oleh manusia secara tersembunyi (ghaib) yang melibatkan perantara makhluk halus. Ia turut merujuk kepada perbuatan menyihir [49] [19]. Keganasan bermaksud perihal ganas, kebuasan dan kegarangan [48]. Keganasan turut bermaksud bertindak dengan sengaja menggunakan kuasa atau kekerasan secara fizikal, mengugut, atau benar-benar berbuat keganasan terhadap sesuatu kumpulan atau komuniti yang menyebabkan atau besar kemungkinan menyebabkan kecederaan, kematian, kesan psikologi, kerencatan tumbesaran dan pengabaian [55]. Tersembunyi pula bermaksud tidak kelihatan, terlindung dan dirahsiakan. Tersembunyi juga bermaksud di luar pandangan, tidak jelas, tersorok dan terselindung [50] [35].

Menurut Dukes, akar kata *sīn hā rā* (س ح ر) muncul 63 kali dalam al-Quran, dalam tujuh bentuk sebutan [13]. Antaranya ialah sebagai kata nama *sih'r* (سحر) dalam surah Yūnus ayat 81 perkataan kelapan yang bermaksud: “*Setelah mereka melemparkan, Nabi Musa berkata: Apa yang kamu lakukan itu, itulah sihir, sesungguhnya Allah akan menampakkan kepalsuan sihir itu.*” [23].

Menurut Baalbaki, sihir bermaksud *to bewitch* (perbuatan menyihir atau mempesona), *witch* (ahli sihir atau dukun atau bomoh), *conjure* (perbuatan menjelmakan), *magic* (ilmu ajaib atau sakti atau ghaib), *spell* (mantera, jampi, serapah). Sihir turut bermaksud *charm* (menjampi, memanterai, menyihir, memukau), *enchant*, *enthrall*, *spellbind* (mempesonakan), *fascinate* (memukau, terpesona), *infatuate* (kemabukan), *mesmerize* (terpukau), serta *thrill* (teruja, asyik) [8]. Berdasarkan perbincangan, sihir melibatkan penggunaan makhluk halus atau kuasa ghaib dengan tujuan menzalimi seseorang dan menyakitinya dengan memberikan pelbagai akibat buruk seperti penyakit dan kesusahan [19] [43].

Lazimnya, sihir ini wujud dengan nama sihir cinta, pelaris, atau pukau untuk mencuri dan merompak tanpa disedari. Selain itu, aktiviti penyihiran yang sudah lumrah dalam masyarakat ialah seperti sihir pemisah, pengasih (sihir cinta), santau, gila, penyakit, darah haid tidak teratur, pembatal perkahwinan, penghalang hubungan suami isteri, mandul, lemah syahwat dan seumpamanya [1] [19] [12] [10] [6] [9]. Perbuatan sihir ini tidak dapat dilihat kerana rahsia yang disimpan oleh pengamalannya. Sihir ini amat menakjubkan dan ganjil pada pandangan manusia. Bahaya sihir menyebabkan pengamalannya boleh dikenakan hukuman berlandaskan undang-undang sekiranya sabit kesalahan [22] [45] [46].

Sihir juga berbeza dengan *karāmah*. Sebagaimana yang telah dibincangkan, sihir adalah perkara luar biasa yang menggunakan tipu helah dan lazimnya menggunakan makhluk halus untuk memastikan

kerja-kerja sihir berjaya, sedangkan *karāmah* adalah sebaliknya. *Karāmah* ialah anugerah yang dikurniakan oleh Allah kepada para wali-Nya yang terpilih, serta merupakan ganjaran Allah SWT ke atas para wali. *Karāmah* tidak terjadi kepada para nabi dan Rasul memandangkan Allah telah mengurniakan mukjizat terhadap mereka [19] [21].

Kepercayaan kepada makhluk ghaib dikhuatiri menjurus dan mendorong kepada perbuatan sihir, di samping disebabkan oleh kegusaran, permusuhan, hasad dengki, cinta tidak berbalas, persaingan, dendam kesumat, serta ketidakpuasan hati yang mendalam dalam diri [32] [3].

Sejak sekian lama, sihir dikatakan telah wujud sebelum zaman Nabi Musa ‘alaihi al-salām (AS). Penemuan tentang ilmu sihir ditemui pada zaman tersebut, dipercayai hasil tulisan orang Babylon. Kemudian, Jābir ibn Ḥayyān (m. 815M/200H), yang turut dikenali sebagai Bapa Kimia Moden, telah mengkaji dan meneliti karya-karya falsafah zaman silam sehingga beliau menemui tentang kemahiran ilmu sihir, antaranya ialah perubahan sesuatu yang nyata dari satu bentuk ke bentuk yang lain tanpa melibatkan teknik praktikal, dan berlaku disebabkan oleh kuasa psikik, yang dipercayai adalah sihir [21] [5].

Menurut Ibnu Khaldūn (m. 1406M/809H), sihir adalah dilarang dalam Islam kerana ia memudaratkan dan memerlukan pengamalannya untuk menyembah selain daripada Allah SWT. Perbuatan ini bertentangan dengan akidah kerana termasuk dalam perbuatan mensyirikkan Allah SWT [21]. Adh-Dhahabī (m. 1348M/748H) menyatakan dosa besar yang paling buruk ialah menyekutukan Allah SWT [4].

Hal ini disebutkan dalam surah an-Nisā’ ayat 116 yang bermaksud: “*Allah tidak akan mengampuni dosa syirik (mempersekutukan Allah dengan sesuatu), dan Dia mengampuni dosa selain itu bagi sesiapa yang Dia kehendaki. Dan barang siapa mempersekutukan (sesuatu) dengan Allah, maka sungguh, dia telah tersesat jauh sekali.*” [23]. Menurut Ibnu Kathīr (m. 1373M/774H), dalam surah ini, Allah SWT menyampaikan bahawa perbuatan syirik tidak akan diampuni dan Allah mengampunkan dosa selain itu bagi sesiapa yang dikehendakinya. Ayat “*dan barang siapa mempersekutukan (sesuatu) dengan Allah, maka sungguh, dia telah tersesat jauh sekali*” bermaksud seseorang itu telah menempuh jalan yang tidak benar (*haq*), sesat dari hidayah (petunjuk), jauh dari kebenaran, membinasakan dan merugikan diri di dunia dan akhirat, serta hilang bahagia di dunia dan di akhirat [20].

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan yang bersidang pada 11 Oktober 1993 telah memutuskan bahawa perbuatan sihir adalah dosa besar dan boleh membawa kepada syirik dan hukum mempelajarinya adalah haram. Pengamal sihir yang mendatangkan mudarat kepada manusia adalah berdosa besar dan pelaku jenayah, maka wajib dihukum *qisas/ hudud* [24]. Selain amalan sihir, penggunaan jin menurut Islam seperti meminta dan menggunakan khidmat jin untuk ilmu sihir atau nujum adalah haram, seperti yang diputuskan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan yang bersidang pada 21 September 1995 [24]. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan yang bersidang pada 9 Ogos 1996 pula memutuskan amalan penggunaan azimat atau tangkal pelindung diri seperti ilmu kebal, ilmu pengasih, ilmu pelemah hati, ilmu penjauh jin dan sebagainya yang dicampuradukkan dengan sihir adalah syirik dan menyeleweng dari ajaran Islam [24].

Jelaslah, kepercayaan kepada unsur lain yang boleh membawa kepada syirik boleh merosakkan akidah [25]. Tindakan manusia yang mendatangi ahli sihir untuk mendapatkan rawatan penyakit sihir adalah tindakan yang salah di sisi Islam, ini termasuk meminta pertolongan dan perlindungan kepada selain Allah SWT yang akan menyebabkan jatuh syirik [32]. Contoh perbuatan sihir ialah santau yang dilakukan dengan perantaraan dan bantuan jin untuk memudaratkan mangsa. Sifat dan kesan santau menunjukkan kejahatan dan kesyirikan yang nyata dan bertentangan dengan akidah Islam. Mereka yang melakukan perbuatan santau secara jelas terlibat dengan dosa besar kerana melakukan sihir dan telah bersubhat dengan jin dan syaitan dalam hal keburukan dan mensyirikkan Allah SWT [41].

Berdasarkan perbincangan, sihir adalah perbuatan yang dilarang dan bertentangan dengan akidah. Hukum mengamalkannya adalah haram. Sihir merupakan satu tindakan tersembunyi yang bertujuan jahat dan mendatangkan mudarat kepada mangsa sihir dan boleh menyebabkan mangsa sihir menderita.

## 2. Pernyataan Masalah

Terdapat pelbagai jenis sihir yang wujud dalam masyarakat setempat. Wahid Ibn Abdussalam Bali menyebutkan sembilan jenis sihir iaitu sihir pemisahan, sihir cinta, sihir pemalsuan objek, sihir gila, sihir kelesuan, sihir mendengar suara, sihir jatuh sakit, sihir pendarahan serta sihir penghalang perkahwinan [54]. Haron Din menyatakan terdapat 17 jenis sihir, antaranya ialah sihir pembenci, sihir penunduk, serta sihir pelaris [19].

Abdul Majid Hasan menyatakan terdapat pelbagai bentuk gangguan jin dan sihir, antaranya ialah rasukan syaitan, histeria, sihir pemisah atau *at-Tafriq*, waswas, mandul atau keguguran [1]. Berkenaan sihir pemisah atau *at-Tafriq*, sihir jenis ini ada disebut dalam surah al-Baqarah ayat 102 yang bermaksud: "*Ilmu sihir yang boleh menceraikan antara seorang suami dengan isterinya, padahal mereka tidak akan dapat sama sekali memberi mudarat (atau membahayakan) dengan sihir itu seseorang pun melainkan dengan izin Allah.*" [23] [26].

Antara sihir yang biasa diamalkan ialah santau. Santau dilakukan dengan tujuan mendatangkan mudarat kepada mangsa dan diyakini berpunca daripada dendam, khianat dan hasad dengki. Sehingga kini, santau masih wujud dalam masyarakat Melayu [41]. Menurut Haron Din, antara gejala yang dialami oleh pesakit santau ialah batuk, muntah darah, demam panas yang berpanjangan, sakit kepala, dada, perut dan pinggang, lemah anggota terutama sendi, tapak kaki terasa bisa dan hilang selera makan. Walau bagaimanapun, sihir santau ini boleh dirawat dengan kaedah rawatan Islam [19].

Selain itu, terdapat kejadian yang dikaitkan dengan sihir seperti wujudnya kebakaran tiba-tiba di dalam rumah, antaranya ialah kain, selimut dan sejadah terbakar tanpa diketahui puncanya [53]. Terdapat kajian yang menyatakan akan kemampuan jin untuk menyalakan api tanpa dikesan secara empirik. Selain itu, jin juga boleh mengalihkan perabot tanpa dikesan, dan membaling barang di dalam rumah [9].

Berdasarkan perbincangan, jelaslah sihir merupakan barah dalam masyarakat dan perlu diubati dengan segera agar tidak berlarutan dan melarat. Justeru, kajian ini berkehendak mengenal pasti sihir sebagai keganasan tersembunyi dalam kalangan masyarakat yang perlu dibanteras. Sorotan berikut membincangkan karya-karya terdahulu berkaitan dengan sihir.

## 3. Sorotan Literatur

Terdapat kajian yang membincangkan simptom lazim yang biasa dialami mangsa gangguan sihir. Kajian oleh Mohd Jim Hamzah menyatakan antara simptom lazim yang biasa dialami mangsa gangguan sihir ialah mengalami rasa panas atau sejuk yang luar biasa pada mana-mana anggota badan, berasa takut, berdebar-debar, atau bimbang tanpa sebab. Selain itu, mangsa gangguan sihir juga mengalami sakit kepala pada waktu-waktu tertentu, gelisah dan sukar tidur malam, sering bermimpi buruk dan mengerikan, serta berasa sakit atau bisa seperti ditusuk benda tajam [39] [3].

Selain itu, kajian oleh Abu Bakar Sedek Abdul Jamak, Azelin Md Noor dan Noor Awanis Muslim mendapati penyakit misteri dan kronik berpunca daripada amalan sihir. Contoh penyakit misteri dan kronik yang dimaksudkan ialah lumpuh dan kecacatan fizikal anggota badan [3] [9]. Simptom-simptom sebegini tidak boleh dibiarkan begitu saja, dan mangsa sihir digalakkan mendapatkan rawatan dengan segera untuk merawat sakit yang dialami.

Kesakitan yang dialami mangsa gangguan sihir sukar dikesan melalui kaedah perubatan moden. Hal ini membawa kepada perkembangan kaedah merawat sihir berlandaskan Islam. Hal ini kerana sihir boleh memudaratkan sekiranya tidak dirawat. Antara kajian awal yang mendedahkan kepentingan rawatan Islam ialah kajian oleh Fazila Adini Shafie. Kajian beliau membincangkan dalil-dalil kepentingan perubatan dalam Islam, matlamat perubatan Islam dan ciri-ciri perubatan Islam [15].

Konsep pengubatan Islam adalah suatu usaha penyembuhan penyakit jasmani dan rohani berdasarkan hukum syarak oleh individu yang mahir dengan kaedah rawatan yang dilakukan semata-mata kerana Allah SWT. Konsep pengubatan Islam ini adalah amat luas. Pelbagai penyakit jasmani mahupun rohani boleh dirawat melalui kaedah rawatan Islam, ini termasuklah menggunakan doa-doa tertentu yang diambil dari al-Quran, al-Hadith serta amalan golongan soleh. Penggunaan bahan-bahan tertentu yang halal di sisi syarak boleh digunakan dalam rawatan ini. Namun begitu, al-Quran merupakan rujukan utama pengubatan Islam [18]. Sebagaimana disebutkan dalam surah al-Isrā' ayat 82 yang bermaksud: “*Dan Kami turunkan dari al-Quran (sesuatu) yang menjadi penawar dan rahmat bagi orang yang beriman*” [23].

Sebagai contoh, terdapat kaedah rawatan jarak jauh bagi mereka yang sukar mendapatkan khidmat rawatan Islam. Kajian oleh Khadher Ahmad dan Rushdi Ramli membuktikan kaedah rawatan jarak jauh adalah dibolehkan tetapi dengan syarat-syarat tertentu. Antara syaratnya ialah, kaedah ini dibolehkan sekiranya terdapat halangan seperti keuzuran dan kesukaran dari pihak pesakit disebabkan oleh gangguan sihir yang dialaminya. Syarat yang kedua pula ialah tidak melibatkan penggunaan makhluk ghaib kerana menyerupai amalan perbomohan. Kaedah rawatan jarak jauh dibenarkan selagi berada di atas landasan syariat Islam yang benar [31].

Antara kelebihan kaedah rawatan Islam ialah, sesuatu penyakit dapat dibezakan sama ada berpunca dari gangguan jin ataupun gangguan psikologi berdasarkan kaedah *ruqyah shar'iyah*. Dalam satu kajian oleh Ezwan Rafiq Husin et al., didapati terdapat perbezaan tingkah laku antara pesakit histeria gangguan jin dengan pesakit histeria gangguan psikologi. Kajian mendapati selepas menjalani kaedah rawatan *ruqyah shar'iyah*, kesan yang dialami oleh pesakit histeria gangguan jin adalah positif, berbanding dengan pesakit histeria gangguan psikologi, yang langsung tidak mengalami sebarang perubahan. Hal ini menunjukkan kaedah *ruqyah shar'iyah* boleh merawat pesakit histeria gangguan jin tetapi tidak pesakit histeria gangguan psikologi. Pesakit gangguan histeria gangguan psikologi memerlukan terapi kaunseling dan psikologi sebagai kaedah rawatan yang berkesan untuk mereka [14].

Kaedah rawatan Islam turut berkesan di atas beberapa faktor. Kajian oleh Phayilah Yama, Ikmal Zaidi Hashim dan Farhah Zaidar Mohamed Ramli mendapati terdapat enam faktor utama keberkesanan perubatan Islam *ruqyah*. Enam faktor tersebut ialah aspek akidah, iaitu kepercayaan hanya Allah SWT sebagai penyembuh. Aspek seterusnya ialah aspek *fiqh*, aspek tasawuf, aspek akhlak dan adab, aspek meneladani sunnah Rasulullah SAW dalam rawatan Islam, serta aspek kelebihan lain [47] [16].

Disebabkan perkembangan dalam rawatan alternatif, pihak melalui Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menyediakan garis panduan mengenai amalan pengubatan Islam. Antara yang terkandung dalam garis panduan ini ialah konsep pengamalan dalam pengubatan Islam, kaedah rawatan, piawaian amalan, etika dan profesionalisma, serta larangan-larangan dalam pengubatan Islam [28].

Namun begitu, terdapat cabaran untuk menegakkan kaedah rawatan yang berlandaskan syariah Islam yang sebenar. Kaedah yang digunakan dalam rawatan alternatif Islam atau tradisional perlu sentiasa diteliti agar khidmat rawatan yang diperolehi berlandaskan syariat yang benar. Kajian oleh Mohd Farhan et al. mendapati terdapat pusat rawatan alternatif sama ada tradisional ataupun Islam, tidak mengamalkan kaedah rawatan Islam yang sebenarnya. Oleh itu, masyarakat diminta berhati-hati dalam memilih pusat rawatan agar bertepatan dengan ajaran Islam yang sebenarnya [38].

Begitu juga kajian oleh Awang Mohamad Haffis dan Mohamad Maulana Magiman yang mendapati terdapat cabaran dalam mensosialisasikan kaedah *ruqyah syar'iyah*. Antara cabarannya ialah tingkat keimanan masyarakat terhadap keberkesanan ayat al-Quran sebagai medium penyembuhan, serta sikap orang Islam seperti golongan tua yang beranggapan *ruqyah syar'iyah* sebagai ajaran baru yang perlu diawasi [7].

Selain kaedah rawatan Islam, terdapat kajian yang mencadangkan kaedah penyucian hati memandangkan perbuatan sihir berpunca daripada penyakit hati seperti perasaan dendam, khianat dan

hasad dengki. Dalam aspek ini, para sarjana tempatan lebih menekankan aspek koreksi diri dan mengingati Allah, iaitu pembersihan hati atau *tazkiyah al-nafs* dalam menangani masalah kejiwaan [11] [44] [52]. Oleh itu, jiwa yang rosak disebabkan penyakit hati dapat dirawat dan dijangka dapat mencegah dari berlakunya perkara yang tidak baik seperti perbuatan sihir.

Selain itu, kajian oleh Mahyuddin Ismail et al., membincangkan peruntukan undang-undang bagi kesalahan jenayah sihir. Sebagai contoh, analisis terhadap bahan serta kaedah penyihiran yang digunakan, akan dapat menzahirkan dan mengenal pasti perbuatan jenayah dan niat jenayah pengamal sihir. Perkara ini dapat membantu pihak berkuasa untuk menguatkuasakan peruntukan-peruntukan berkaitan jenayah sihir [33].

Berdasarkan perbincangan, jelaslah kewujudan sihir dengan simptom yang boleh dikenal pasti. Namun begitu, sihir boleh dirawat tetapi mestilah berlandaskan syariat yang benar dan mengikut garis panduan yang ditetapkan. Selain boleh dirawat, gejala sihir dalam masyarakat boleh dibendung dengan adanya peruntukan undang-undang yang boleh mengheret tukang sihir ke muka pengadilan. Selain kajian yang dinyatakan, kajian lain yang berkaitan sihir ialah persepsi masyarakat tentang rawatan alternatif Islam [29], persepsi perawat terhadap penggunaan jin dalam rawatan [37], potensi rawatan Islam [36], hadith-hadith tentang kaedah rawatan Nabi SAW dalam merawat penyakit sihir [30], serta sejarah, konsep dan elemen sihir dalam rumahtangga [2].

#### 4. Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggabungkan kaedah analisis kandungan (*content analysis*) dan kajian lapangan. Analisis kandungan ialah prosedur untuk analisis terperinci bagi data yang diambil dari karya yang dianalisis [34]. Analisis kandungan dalam kajian ini dilakukan terhadap karya-karya terdahulu tentang sihir sebagaimana yang dibincangkan dalam bahagian pengenalan, pernyataan masalah dan sorotan literatur. Metode kajian lapangan yang digunakan ialah soal selidik dan temu bual separa berstruktur. Responden yang terlibat adalah seramai empat orang yang dipilih secara bertujuan. Soal selidik dilakukan untuk memperolehi maklumat latar belakang responden. Temu bual separa berstruktur ialah kaedah temu bual yang menggunakan soalan yang telah dirangka selaras dengan objektif kajian. Setiap responden mendapat soalan yang sama. Pertanyaan dalam temu bual diajukan secara lisan dan bersemuka (atau melalui perhubungan komunikasi seperti telefon, emel dan sebagainya) antara pengkaji dengan responden [40]. Temu bual ini dijalankan pada tahun 2020 ketika negara dilanda pandemik wabak COVID-19.

Kajian lapangan dilakukan untuk mengenal pasti sihir sebagai keganasan tersembunyi dalam kalangan masyarakat yang perlu dibanteras berdasarkan jawapan responden dalam soalan temubual. Oleh itu, tema kajian berkenaan sihir telah diaplikasikan ke dalam soalan temu bual separa berstruktur yang mengandungi sebelas soalan. Sebelas soalan tersebut ialah kepercayaan responden akan kewujudan sihir, cara responden tahu dirinya disihir, perasaan responden apabila mengetahui dia disihir, tanda-tanda sihir yang dialami responden, kaedah yang dilakukan responden ketika mengalami gangguan sihir, pengetahuan responden tentang punca sihir terhadap dirinya, kesan gangguan sihir terhadap kehidupan responden, kaedah responden mengatasi gangguan sihir, pengalaman ngeri dan menakutkan yang dialami responden ketika mengalami gangguan sihir, keyakinan responden akan kesembuhan daripada sihir serta rawatan sihir yang didapatkan responden.

Alat kajian yang digunakan ialah soalan temu bual dan soal selidik. Selain itu, alat-alat teknikal juga digunakan seperti perakam digital untuk merakam jawapan responden. Dalam analisis data, sebelas soalan berkenaan sihir dianalisis berdasarkan jawapan responden dalam temu bual. Data-data temu bual dianalisis secara kualitatif, iaitu transkripsi, reduksi, koding dan paparan data dan dihuraikan secara deskriptif. Proses koding bagi data temu bual menggunakan perisian Atlas.ti. Metode deskriptif ialah proses yang melibatkan teknik penjelasan yang mengandungi data kajian [56]. Dalam kajian ini, data daripada kaedah analisis kandungan dan kajian lapangan dibincangkan secara deskriptif.

#### 4.1 Latar Belakang Responden

Berdasarkan dapatan soal selidik, semua responden adalah perempuan, beragama Islam, berumur antara lingkungan 25 hingga 45 tahun dengan purata umur 34.25 tahun. Semua responden menetap di Pulau Pinang. Bagi dapatan status perkahwinan, seorang responden belum berkahwin (R1), seorang telah berkahwin (R2), manakala dua orang responden (R3, R4) telah berpisah dengan pasangan masing-masing. Majoriti responden (R1, R3, R4) berketurunan Melayu dan hanya seorang responden berketurunan Cina Siam (R2). Tahap pendidikan responden juga adalah berbeza, iaitu Ijazah Sarjana Muda (R1), SPM (R2), PhD (R3) dan STPM (R4). Selain itu, pekerjaan responden juga berbeza iaitu pelajar (R1), tidak bekerja (R2), pensyarah (R3) dan berniaga (R4). Bagi menjaga kerahsiaan responden, responden dikenali dengan nama samaran saja iaitu responden 1 dikenali sebagai R1, responden 2 sebagai R2, responden 3 sebagai R3 dan responden 4 sebagai R4. Jadual 1 merumuskan latar belakang responden.

**Jadual 1: Latar Belakang Responden**

Responden	Umur (tahun)	Jantina	Status perkahwinan	Kaum	Agama	Tahap pendidikan	Pekerjaan	Negeri tempat tinggal
1) R1	30	Perempuan	Belum berkahwin	Melayu	Islam	Ijazah Sarjana Muda	Pelajar	Pulau Pinang
2) R2	25	Perempuan	Berkahwin	Cina + Siam	Islam	Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)	Tidak bekerja	Pulau Pinang
3) R3	45	Perempuan	Janda	Melayu	Islam	Ijazah Doktor Falsafah (PhD)	Pensyarah	Pulau Pinang
4) R4	37	Perempuan	Ibu tunggal	Melayu	Islam	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)	Berniaga	Pulau Pinang

**Sumber: Dapatan Soal selidik Responden**

#### 5. Dapatan Kajian

Terdapat sebelas tema yang diserapkan dalam soalan temu bual bagi mengenal pasti sihir sebagai keganasan tersembunyi. Perbincangan seperti berikut.

##### **Tema Pertama (T1): Kepercayaan Responden akan Kewujudan Sihir**

Dalam tema pertama (T1), semua responden percaya akan kewujudan sihir pada masa sekarang. Responden mempercayai kewujudan sihir ini kerana mereka mengalami sendiri gangguan sihir tersebut (Transkrip R1 - R4, h. 1). Contoh pernyataan responden (R1) ialah: “*Kerana saya yang mengalaminya sendiri. Dah bertahun-tahun saya mengalami*” (Transkrip R1, h. 1). Berdasarkan perbincangan, jelaslah semua responden mempercayai kewujudan sihir disebabkan pengalaman sendiri.

##### **Tema Kedua (T2): Cara Responden tahu Dirinya Disihir**

Dalam tema kedua (T2), responden mengetahui diri mereka disihir berdasarkan pengalaman dalaman dan luaran yang dialami. Pengalaman dalaman ialah seperti yang dilalui oleh R1 dan R3, yang

mengetahui mereka disihir melalui mimpi ngeri (R1) dan buruk (R3) yang dialami. Mimpi itu menyebabkan perubahan kepada kedua-dua responden seperti berasa pelik dan takut menjelang malam (R1) serta emosi dan tingkah laku berubah serta malas beribadah (R3) (Transkrip R1 & R3, h.1). Pengalaman luaran ialah seperti yang dialami oleh R2, yang mengetahui dirinya disihir selepas mendapatkan rawatan apabila dia dirasuk. Personaliti R2 berubah menjadi orang lain apabila dirasuk seperti menjadi kanak-kanak, orang tua atau menangis (Transkrip R2, h.1). R4 pula mengetahui setelah diberitahu oleh orang lain yang mengesan perubahan pada diri beliau sehingga akhirnya beliau berjumpa perawat yang mengesahkan beliau disihir (Transkrip R4, h.1). Contoh pernyataan responden (R3) ialah: "*Melalui petanda iaitu mimpi buruk.*" (Transkrip R3, h.1). Berdasarkan perbincangan, responden mengetahui diri mereka disihir melalui pengalaman dalaman dan luaran yang dialami oleh responden.

### **Tema Ketiga (T3): Perasaan Responden apabila Mengetahui Disihir**

Dalam tema ketiga (T3), terdapat responden berasa sedih (R1, R2, R3), tertekan (R1), takut (R2), terganggu (R3), tidak percaya (R3, R4) serta tidak menyangka (R4) apabila mengetahui diri mereka disihir (Transkrip R1 & R2, h. 2; Transkrip R3, h. 1; Transkrip R4, h. 1 - 2). Contoh pernyataan responden (R2) ialah: "*Perasaan tu sedih sangat-sangat la*" (Transkrip R2, h. 2). Berdasarkan perbincangan, jelaslah terdapat perasaan negatif yang dialami responden apabila mengetahui diri mereka disihir.

### **Tema Keempat (T4): Tanda-tanda Gangguan Sihir yang dialami Responden**

Dalam tema keempat (T4), tanda-tanda gangguan sihir yang dialami responden dibahagikan kepada lima aspek iaitu tahap kesihatan yang merosot, perubahan emosi dan tingkah laku, hubungan kekeluargaan yang dingin, gangguan psikologi serta gangguan fizikal.

Dalam aspek tahap kesihatan yang merosot, responden mengalami sakit anggota badan seperti sakit kepala, belakang, perut (R1), kerap termuntah dan loya (R2), serta berasa lesu dan penat (R4).

Dalam aspek perubahan emosi dan tingkah laku, responden cepat marah dan mudah tersinggung (R1, R2, R4), cepat melenting (R3), sedih, cepat naik angin (R4) serta berubah sikap (R2).

Dalam aspek hubungan kekeluargaan yang dingin, responden selalu bergaduh (R1, R3) serta tidak rapat (R4) dengan ahli keluarga (Transkrip R1, h. 2-4; Transkrip R2 & R4, h. 2-3; Transkrip R3, h. 1).

Dalam aspek gangguan psikologi, responden berasa malas (R1, R4), kerap mengantuk (R1, R4), kerap lupa (R4), hilang kawalan (R2), hilang fokus (R1), gelisah (R2), tidak bersemangat (R4), waswas (R4), serta mengalami mimpi buruk berulang-ulang (R1, R3).

Dalam aspek gangguan fizikal, responden suka melakukan perkara yang tidak berfaedah serta suka membuang masa seperti menonton filem, bermain telefon (R1), bertindak agresif dan kasar (R2), suka melakukan perkara yang bertentangan dengan agama (R2) serta kerap tidak sedarkan diri (R2). (Transkrip R1, h. 2-3; Transkrip R2 & R4, h. 2-3; Transkrip R3, h. 1). Contoh pernyataan responden (R3) berkenaan tanda-tanda gangguan sihir yang dialami ialah: "*Mimpi buruk berulang-ulang dan rasa cepat melenting.*" (Transkrip R3, h. 1). Berdasarkan perbincangan, jelaslah terdapat pelbagai tanda gangguan sihir yang dialami responden. Majoriti responden mengalami lima aspek tanda gangguan sihir iaitu tahap kesihatan yang merosot, perubahan emosi dan tingkah laku, hubungan kekeluargaan yang dingin, gangguan psikologi serta gangguan fizikal.

### **Tema Kelima (T5): Pendekatan Responden ketika Mengalami Gangguan Sihir**

Dalam tema kelima (T5), semua responden menggunakan pendekatan yang hampir sama iaitu pendekatan agama ketika berdepan gangguan yang dialami. Tiga pendekatan yang digunakan ialah



mendekatkan diri kepada Allah SWT, mendapatkan khidmat rawatan Islam dan bermujahadah melawan gangguan.

Dalam aspek mendekatkan diri kepada Allah, responden berikhtiar dengan sentiasa mengingati Allah SWT, duduk dalam keadaan berwuduk (R1), bersolat, mengaji al-Quran, berzikir (R2), meningkatkan amalan serta memperbanyakkan zikir (R3) serta sentiasa berusaha mendekatkan diri kepada Allah (R4).

Dalam aspek khidmat rawatan Islam, responden berusaha dengan meminum air penawar (R1), menjalani kaedah rawatan *ruqyah* dan berjumpa perawat Islam (R2, R3).

Dalam aspek mujahadah melawan gangguan, responden berusaha dari segi rohaniah dengan berdiam diri dan melawan hawa nafsu (R1), menghindari perkara yang melalaikan seperti mendengar muzik, melayari laman media sosial *Facebook* (R2) dan melawan rasa sakit (R4) (Transkrip R1, R2 & R4, h. 3; Transkrip R3, h.2). Contoh pernyataan responden (R1) ialah: “*Saya cuba diamkan diri melawan hawa nafsu sentiasa ingat Allah*” (Transkrip R1, h. 3). Berdasarkan perbincangan, jelaslah responden mengambil pendekatan bersandarkan agama ketika berdepan gangguan sihir. Pendekatan yang dimaksudkan ialah mendekatkan diri kepada Allah, mendapatkan khidmat rawatan Islam dan mujahadah melawan gangguan yang dialami.

### **Tema Keenam (T6): Pengetahuan Responden tentang Punca Sihir**

Dalam tema keenam (T6), semua responden mengetahui punca mereka disihir. R1 dan R4 berpendapat mereka disihir disebabkan perasaan iri hati dan tidak puas hati orang lain terhadap mereka. Di samping itu, kedua-dua responden juga pernah menolak pinangan orang. Bermula dari saat itu, kedua-dua responden menyedari kehidupan mereka mula terganggu (Transkrip R1, h. 3-4; Transkrip R4, h. 3).

R2 pula mengetahui punca dirinya disihir di samping berpendapat gangguan yang dialami adalah berpunca kerana bercampur dengan keturunan lama, seperti gangguan saka. Beliau beranggapan gabungan gangguan sihir dan saka dalam tubuhnya menyebabkan beliau kerap jatuh sakit (Transkrip R2, h. 4). R3 pula mengetahui punca dirinya disihir kerana sudah menjangka perkara itu. Namun, beliau tidak mengulas lebih lanjut akan perkara tersebut (Transkrip R3, h. 2). Contoh jawapan responden (R4) apabila diajukan tentang hal ini: “*Puncanya kalau ikutkan orang lain jealous dengan kehidupan kak na*” (Transkrip R4, h. 3). Berdasarkan perbincangan, jelaslah semua responden tahu punca mereka disihir iaitu disebabkan rasa cemburu dan tidak puas hati, gangguan bercampur dan punca yang telah dijangka.

### **Tema Ketujuh (T7): Kesan Sihir kepada Kehidupan**

Dalam tema ketujuh (T7), adalah sangat jelas sihir memberi kesan kepada semua responden. Kesan ini dapat dibahagikan kepada dua, iaitu kesan negatif dan positif. Sihir memberi kesan negatif dalam enam aspek iaitu aspek kesihatan, pelajaran, hubungan kekeluargaan, perasaan, kewangan dan fizikal. Sihir turut memberi kesan positif dalam aspek agama.

Dalam aspek kesihatan, sihir memberi kesan negatif kerana kesihatan responden merosot (R1, R4). Dalam aspek pelajaran, pelajaran responden terjejas kerana tumpuan terjejas (R1) dan kerap diganggu sehingga terpaksa berhenti belajar (R2). Dalam aspek hubungan kekeluargaan, sihir menyebabkan keluarga berpecah belah dan tidak harmoni (R3) serta tidak rapat (R4). Dalam aspek perasaan, sihir memberi kesan terhadap perasaan responden kerana sentiasa ketakutan (R1, R4), berasa bimbang (R1, R4), dan benci (R2). Dalam aspek kewangan, sihir memberi kesan negatif kerana menyebabkan masalah kewangan kerana kos rawatan Islam yang mahal (R3) serta perniagaan merosot (R4) kerana kerap jatuh sakit. Dalam aspek fizikal, sihir memberi kesan di mana terdapat responden hampir gila dan nyaris mencederakan rakan dan keluarga beliau sendiri kerana rasa benci disebabkan sihir (R2) (Transkrip R1, h. 4-5; Transkrip R2, h. 4 - 5; Transkrip R3, h. 2; Transkrip R4, h. 4).

Sihir turut memberi kesan positif dalam aspek agama di mana terdapat responden (R2) yang berubah ke arah kebaikan iaitu sentiasa menutup aurat dan sentiasa memohon perlindungan Allah SWT (Transkrip R2, h. 5). Contoh pernyataan responden (R1) berkaitan kesan sihir kepada kehidupan mereka ialah: “*Kesan sihir dalam kehidupan saya ialah pertama tumpuan saya terjejas. Pembelajaran saya terjejas teruk*” (Transkrip R1, h. 4). Berdasarkan perbincangan, jelaslah sihir memberi kesan terhadap kehidupan semua responden. Terdapat kesan negatif sihir dalam enam aspek iaitu aspek kesihatan, pelajaran, hubungan kekeluargaan, perasaan, kewangan dan fizikal. Sihir turut memberi kesan positif dalam aspek agama.

### **Tema Kelapan (T8): Mekanisme Responden dalam Mengatasi Gangguan Sihir**

Dalam tema kelapan (T8), responden menggunakan pendekatan agama dan psikologi dalam mengatasi gangguan sihir yang dialami. Contoh pendekatan agama yang digunakan ialah *ruqyah* (R1) dan meminum air penawar (R2), sentiasa mendekati diri kepada Allah (R2, R4) dengan berzikir mengingati Allah (R1, R2, R3, R4), mengaji (R1, R4), dan mendengar bacaan al-Quran (R2), meningkatkan amalan (R3) seperti bersolat sunat dan solat berjemaah (R1), dan sentiasa berwuduk (R2), bermuhasabah (R1), serta yakin tiada yang mampu mengatasi kuasa Allah (R3).

Pendekatan psikologi yang digunakan ialah tidak terlalu mengikut perasaan (R1), tidak terlalu memikirkan (R3), melawan perasaan malas (R1), sentiasa berhati-hati dan berteman (R2), bersabar dengan ujian dan meluahkan masalah kepada orang yang dipercayai (R4) (Transkrip R1, h. 5; Transkrip R2, h. 5 - 6; Transkrip R3, h. 2; Transkrip R4, h. 4). Contoh pernyataan responden (R4) apabila ditanyakan cara mereka mengatasi gangguan sihir ialah: “*Atasi dengan sabar la*” (Transkrip R4, h. 4). Berdasarkan perbincangan, semua responden menggunakan pendekatan agama dan psikologi dalam mengatasi gangguan sihir.

### **Tema Kesembilan (T9): Pengalaman ketika Mengalami Gangguan Sihir**

Dalam tema kesembilan (T9), pengalaman yang dialami responden ketika mengalami gangguan sihir adalah bersifat dalaman dan luaran.

Pengalaman bersifat dalaman ialah mimpi menakutkan yang dialami oleh R1 dan R4, sehingga R1 menjadi takut dan penat.

Pengalaman bersifat luaran ialah hampir mencederakan orang lain (R2), ahli keluarga dirasuk berkali-kali (R3), ahli keluarga meracau (R4), mempunyai tenaga yang luar biasa (R2), berdialog dengan jin (R3), berubah personaliti (R2), sakit yang teramat sehingga trauma (R1), ternampak kelibat, nenek tua serta terhidu bau wangi (R4) (Transkrip R1, h. 5; Transkrip R2, h. 6; Transkrip R3, h. 2; Transkrip R4, h. 4-5). Contoh pernyataan responden (R2) berkenaan hal ini: “*Saya boleh menewaskan lima orang lelaki yang ingin tenteramkan saya, yang pegang saya sehingga mereka tercampak*” (Transkrip R2, h. 6). Berdasarkan perbincangan, jelaslah responden mempunyai pengalaman yang bersifat dalaman dan luaran ketika mengalami gangguan sihir.

### **Tema Kesepuluh (T10): Keyakinan Sembuh daripada Sihir**

Dalam tema kesepuluh (T10), semua responden yakin bahawa mereka boleh sembuh daripada sihir dengan izin Allah (Transkrip R1, h. 5; Transkrip R2, h. 6 - 7; Transkrip R3, h. 2; Transkrip R4, h. 5). Contoh pernyataan responden (R4) akan hal ini: “*Yakin. Semua dengan izin Allah*” (Transkrip R4, h. 5). Berdasarkan perbincangan, jelaslah semua responden yakin akan kesembuhan dari sihir dengan izin Allah SWT.

## Tema kesebelas (T11): Rawatan Sihir yang Diperolehi

Dalam tema kesebelas (T1), semua responden berikhtiar untuk merawat gangguan sihir yang dialami dengan mendapatkan khidmat rawatan Islam, tradisional dan moden. Terdapat responden yang mendapatkan khidmat rawatan lebih daripada seorang perawat. Contohnya R1 yang berubat dengan perawat Islam, berubat di tempat lain dan mendapatkan khidmat urutan tradisional disebabkan teramat sakit. R3 juga begitu, yang mendapatkan rawatan Islam berbentuk *ruqyah* yang kosnya agak mahal menyebabkan beliau pergi mencari perawat yang tidak menetapkan jumlah bayaran tertentu. R2 mendapatkan khidmat rawatan Islam, tradisional dan moden disebabkan terlalu tertekan sehingga hilang kawalan. R4 pula mendapatkan khidmat rawatan Islam dan moden kerana mengalami pendarahan dan sakit-sakit badan (R4). (Transkrip R1, h. 6; Transkrip R2, h. 7; Transkrip R3, h. 2-3; Transkrip R4, h. 5). Contoh pernyataan responden (R1) berkenaan hal ini: *“Ya, dengan ustaz perubatan Islam Pulau Pinang. Kos perubatan bergantung kepada ustaz tersebut. Selain itu, ada berubat di Baling, Kedah. Ada berubat tradisional urutan disebabkan oleh sakit teramat di bahagian badan”* (Transkrip R1, h. 6). Berdasarkan perbincangan, jelaslah semua responden berusaha untuk menyembuhkan diri dari gangguan sihir dengan mendapatkan khidmat rawatan Islam, tradisional dan moden. Semua responden mendapatkan khidmat rawatan Islam, dua orang mendapatkan khidmat rawatan tradisional (R1, R2) dan dua orang mendapatkan khidmat rawatan moden (R2, R4). Seorang responden (R2) mendapatkan semua jenis rawatan dan seorang responden (R3) mendapatkan satu jenis rawatan saja iaitu rawatan Islam. Jadual berikut merumuskan perbincangan ini.

**Jadual 2: Pendedahan Responden berkenaan Sihir sebagai Keganasan Tersembunyi**

Bil.	Tema	Kenyataan Responden
1.	Kepercayaan akan kewujudan sihir	<i>“Kerana saya yang mengalaminya sendiri. Dah bertahun-tahun saya alami”</i> (R1)
2.	Cara mengetahui diri disihir	<i>“Melalui petanda iaitu mimpi buruk..”</i> (R3)
3.	Perasaan apabila mengetahui disihir	<i>“Perasaan tu sedih sangat-sangat la”</i> (R2)
4.	Tanda-tanda gangguan sihir	<i>“Mimpi buruk berulang-ulang dan rasa cepat melenting..”</i> (R3)
5.	Pendekatan ketika mengalami gangguan sihir	<i>“Saya cuba diamkan diri melawan hawa nafsu sentiasa ingat Allah.”</i> (R1)
6.	Pengetahuan tentang punca sihir	<i>“Puncanya kalau ikutkan orang lain jealous dengan kehidupan kak na.”</i> (R4).
7.	Kesan sihir kepada kehidupan	<i>“Kesan sihir dalam kehidupan saya ialah pertama tumpuan saya terjejas. Pembelajaran saya terjejas teruk.”</i> (R1)
8.	Mekanisme mengatasi gangguan sihir	<i>“Atasi dengan sabar la”</i> (R4)
9.	Pengalaman ketika mengalami gangguan sihir	<i>“Saya boleh menewaskan lima orang lelaki yang ingin tenteramkan saya, yang pegang saya sehingga mereka tercampak”</i> (R2)
10.	Keyakinan sembuh daripada sihir	<i>“Yakin. Semua dengan izin Allah”</i> (R4)
11.	Rawatan sihir yang diperolehi	<i>“Ya, dengan ustaz perubatan Islam Pulau Pinang. Kos perubatan bergantung kepada ustaz tersebut. Selain itu, ada berubat di Baling, Kedah. Ada berubat tradisional urutan disebabkan oleh sakit teramat di bahagian badan”</i> (R1)

**Sumber: Transkrip Temu bual Responden**

## 6. Analisis Perbincangan

Berdasarkan perbincangan, semua responden mengalami gangguan sihir yang ketara berdasarkan petanda (T2), tanda-tanda (T4), kesan sihir (T7) serta pengalaman (T9) sebagaimana yang dilaporkan oleh responden yang menunjukkan secara jelas sihir adalah sejenis keganasan yang tersembunyi. Dapatan ini membenarkan dapatan kajian lalu mengenai sihir yang menjadi punca keganasan dalam

keluarga [51]. Aras kepercayaan responden juga begitu tinggi iaitu percaya sihir itu wujud (T1), perasaan jelas apabila disihir (T3), tahu punca disihir (T6), serta keyakinan yang gangguan sihir boleh sembuh (T10). Semua responden juga begitu berusaha, tidak patah semangat dan tidak pernah berputus asa untuk merawat diri mereka dari gangguan sihir. Hal ini dapat dilihat dalam kaedah / pendekatan (T5), mekanisme (T8) dan jenis rawatan (T11) yang dilakukan dan diperolehi oleh responden dalam usaha mereka merawat diri daripada gangguan sihir.


Analisis dalam T2, T4, dan T9 membenarkan kajian sebelum ini yang membincangkan petanda, simptom / tanda-tanda, pengalaman diganggu makhluk halus antaranya ialah sering mengalami mimpi buruk dan mengerikan seperti mana yang dialami R1, R3 dan R4. Begitu juga pengalaman R2 yang kerap gelisah dan pernah dirasuk. Dapatan ini membenarkan dapatan kajian lalu yang menggariskan sepuluh simptom lazim gangguan makhluk halus yang mempunyai min tertinggi. Antaranya ialah berasa takut, sakit kepala pada waktu tertentu, gelisah dan kerap bermimpi buruk [39] [14]. Analisis T7 membenarkan dapatan kajian lalu tentang sihir yang banyak memberi kesan buruk dan kemudaratan antaranya seperti yang dialami oleh R1 yang kerap jatuh sakit. Dapatan kajian lalu mendapati antara kesan sihir ialah boleh menyebabkan pelbagai penyakit misteri dan kronik [3] [19], selain boleh menyebabkan kematian dan tukang sihir boleh dikenakan tindakan undang-undang jika sabit kesalahan [27].

Dalam analisis T1, iaitu keyakinan semua responden mengenai sihir itu wujud telah membenarkan dapatan kajian lalu yang mengatakan sihir memang wujud sejak sekian lama [42] [32] [5]. Dalam analisis T3, perasaan yang dialami semua responden adalah selari dengan mangsa yang mengalami gangguan sihir. R3 misalnya, begitu sedih dan terganggu kerana tidak menyangka ada orang lain tergamak menyihirnya. Hal ini membenarkan dapatan kajian lalu yang mendedahkan bahawa mangsa gangguan sihir sering tertekan, kerap menangis dan kerap menyalahkan diri sendiri [42].

Dalam analisis T6, antara punca sihir yang dilaporkan oleh responden ialah disebabkan perasaan cemburu. Dapatan kajian lalu turut mendapati bahawa selain perasaan cemburu, sihir juga berpunca daripada permusuhan, pertelingkahan serta persaingan [3] [2] [42] [32]. Analisis T5, T8 dan T11 menunjukkan usaha responden mendapatkan rawatan bagi menyembuhkan diri daripada gangguan sihir. Pelbagai cara digunakan responden tetapi yang pasti, semua responden berusaha mendapatkan khidmat rawatan Islam. Hal ini membenarkan dapatan kajian lalu bahawa persepsi masyarakat terhadap khidmat rawatan Islam begitu memberangsangkan. Hal ini turut menunjukkan wujudnya keperluan khidmat rawatan Islam, dan masyarakat mula merujuk khidmat rawatan Islam setelah menyedari penyakit yang dihidapi sukar sembuh melalui kaedah perubatan moden [29] [36].

Akhir sekali, analisis T10 yang menyatakan keyakinan responden boleh sembuh daripada sihir membenarkan dapatan kajian lalu bahawa hanya dengan pergantungan kepada Allah SWT sahaja seorang mangsa sihir boleh sembuh dengan izin Allah SWT. Hal ini menunjukkan pegangan akidah yang kukuh boleh menyumbang kepada kesembuhan [47] [16] [1]. Begitu juga, dapatan latar belakang responden dalam kajian ini adalah golongan wanita yang terkena gangguan sihir turut membenarkan dapatan kajian mengenai golongan wanita yang sering menjadi sasaran gangguan sihir [17]. Analisis turut mendapati sihir adalah sejenis keganasan yang tersembunyi berdasarkan empat dari sebelas tema yang dikaji terhadap responden. Empat tema tersebut yang mendedahkan secara jelas sihir adalah sejenis keganasan yang tersembunyi ialah tema kedua (T2): cara responden tahu dirinya disihir, tema keempat (T4): tanda-tanda gangguan sihir yang dialami responden, tema ketujuh (T7): kesan sihir kepada kehidupan responden serta tema kesembilan (T9): pengalaman ketika mengalami gangguan sihir.

Berdasarkan dapatan dan perbincangan, jelaslah sihir adalah sejenis keganasan tersembunyi berdasarkan empat tema yang diakui oleh responden. Sihir benar-benar wujud dan bukan mitos semata-mata. Rajah berikut merumuskan perbincangan ini.



**Rajah 1: Sihir sebagai keganasan tersembunyi**

## 7. Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan, jelaslah sihir adalah sejenis keganasan tersembunyi yang wujud dalam kalangan masyarakat tempatan. Dapatan kajian mendapati sihir adalah sejenis keganasan tersembunyi dalam empat daripada sebelas tema yang dikaji terhadap responden. Pendedahan responden adalah selari dengan kajian masa lalu yang membicarakan tentang sihir. Sihir boleh dirawat dan sembuh dengan meletakkan sepenuh pergantungan kepada Allah serta mendapatkan khidmat rawatan Islam yang benar. Sihir perlu dibendung dalam masyarakat, kerana jelas terpesong dan bertentangan dengan akidah umat Islam. Masyarakat perlu dididik untuk mengelakkan mereka menjadi mangsa sihir mahupun pengamal sihir.

Satu kajian lanjutan adalah dicadangkan agar lebih ramai responden dengan latar belakang yang berbeza dapat dilibatkan dalam kajian sebegini untuk melihat perbezaan dapatan kajian. Contoh latar belakang yang dicadangkan ialah penglibatan responden lelaki, responden dari lingkungan umur yang berbeza, serta responden dari kaum yang berbeza. Hal ini bertujuan melihat perbezaan dapatan kajian jika profil berbeza dimasukkan.

## Penghargaan

Pengarang merakamkan penghargaan kepada Fundamental Research Grant Scheme, Kementerian Pendidikan Malaysia, 203/PHUMANITI/6711590.

## Rujukan

- [1] Abdul Majid Hasan. *Perawat Rabbani Profesional*. Rawang, Selangor: Author, Akademi Rawatan Islam Nur Ehsan (AKRINE), 2019.
- [2] Abdullah Yusof. "Pengenalan, Sejarah, Konsep dan Elemen Sihir dalam Rumahtangga." *Konvensyen Keluarga Islam 2017*, anjuran Bahagian Undang-undang Keluarga Islam, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan, 20 September 2017, 1 - 25.
- [3] Abu Bakar Sedek Abdul Jamak, Azelin Md Noor dan Noor Awanis Muslim. "Penyakit Misteri dan Kronik Disebabkan oleh Amalan Ilmu Ghaib Hitam dan Sihir dalam Masyarakat Melayu: Menurut Pakar Perubatan Alternatif Islam (Mysterious and Chronic Disease Caused by Black Magic and Witchcraft in Malay Community: From Spiritual Healers' Experience)." *Journal of Humanities, Language, Culture and Business (HLCB)* 3, no. 11 (January 2019): 37 - 44.
- [4] Adh-Dhahabī, Shams ad-Dīn. *Major Sins (Al-Kaba'ir)*. Translated by Abdul-Hamid A. Eliwa Ali M. As-Sawi, Wa'il A. Shehab & Mahmud Al-Qastawi. Diakses pada 13 Jun 2020. <https://www.islambasics.com/wp-content/uploads/Books/majorSins.pdf>

- [5] Aizan Ali & Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff. "Sejarah Amalan Sihir di Zaman Para Nabi Menurut Sumber Tafsir dan Hadith." *Jurnal Usuluddin* 18 (2003): 111-122.
- [6] Al-Saleh, Yasmine F. "'Licit Magic': The Touch and Sight of Islamic Talismanic Scrolls." PhD diss., Harvard University, Cambridge, Massachusetts, 2014.
- [7] Awang Mohamad Haffis dan Mohamad Maulana Magiman. "Cabaran-cabaran di Dalam Mensosialisasikan Ruqyah Syar 'iyyah di Bintulu (Challenges in Socializing Ruqyah Syar 'iyyah in Bintulu)." *International Conference on Social Sciences and Humanities 2019 (ICOSSH 2019)*, 8 - 9 October 2019, Parkcity Everly Hotel Bintulu, Sarawak, Malaysia, 243 - 253.
- [8] Baalbaki, Rohi. *Al-Mawrid a Modern Arabic-English Dictionary*. 7th ed. Beirut, Lebanon: Dar El-Ilm Lilmalayin, 1995.
- [9] Bajirova, Mira. "Infertility Caused by Jinn." *Open Access Journal of Reproductive System and Sexual Disorders* 1, no. 4 (September 2018): 103 - 116.
- [10] Bursi, Adam Collins. "Holy Spit and Magic Spells: Religion, Magic, and the Body in Late Ancient Judaism, Christianity, and Islam." PhD diss., Faculty of the Graduate School of Cornell University, 2015.
- [11] Che Zarrina Sa'ari. "A Purification of Soul According to Sufis: A Study of al-Ghazālī's Theory." *Jurnal Akidah & Pemikiran Islam (AFKAR)* 3, no. 1 (Rabi' al-Awwāl 1423 / Mei - Jun 2002): 95-112.
- [12] Dein, Simon, Malcolm Alexander and A. David Napier, "Jinn, Psychiatry and Contested Nations of Misfortune among East London Bangladeshis." *Transcultural Psychiatry* 45, no. 1 (March 2008): 31 - 55.
- [13] Dukes, Kais. "*Quran Dictionary* - س ح ر." Diakses pada 1 Jun 2020. <http://corpus.quran.com/qurandictionary.jsp?q=sHr>.
- [14] Ezwan Rafiq Husin, Husin Junoh, Tamar Jaya Nizar, Kamarul Azmi Jasmi, Nurazmallail Marni & Kamarolzaman Md. Jidi. "Tingkah laku Pesakit Histeria Menurut Perspektif Perubatan Ruqyah Shar 'iyyah (Behavior of Hysterical Patient Based on Ruqyah Shar 'iyyah Medication Perspective)." *Jurnal Hadhari* 10, no. 1 (2018): 63 - 76.
- [15] Fazila Adini Shafie. "Sistem Rawatan Pesakit Mengikut Al-Quran dan Sunnah." Laporan Latihan Ilmiah, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Universiti Malaya, 1999/2000.
- [16] Farhah Zaidar Mohamed Ramli, Phayilah Yama dan Ikmal Zaidi Hashim. "Kaedah dan Faktor Keberkesanan Perubatan Islam Ruqyah: Kajian Kes Dato' Ismail Kamus." *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2018 (PASAK3 2018)* 23 - 24 April 2018, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 1 - 16.
- [17] Forsyth, Miranda, Philip Gibbs, Fiona Hukula, Judy Putt, Llane Munau and Ibolya Losoncz. "Ten Preliminary Findings Concerning Sorcery Accusation-Related Violence in Papua New Guinea." *Development Policy Centre Discussion Paper No. 80*, March 27, 2019. 1 - 35. <https://ssrn.com/abstract=3360817>. <http://dx.doi.org/10.2139/ssrn.3360817>.
- [18] Haron Din. *Pengantar Pengubatan Islam*. Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan: Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia & Koperasi Darussyifa' Berhad, 2011a.

- [19] Haron Din. *Rawatan Penyakit Akibat Sihir*. Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan: Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia & Koperasi Darussyifa' Berhad, 2011b.
- [20] Ibn Kathīr, Abū al-Fiḍā 'Imād Ad-Din Ismā'īl ibn 'Umar. *Tafsir Ibnu Katsir* Jilid 2. Cet. Kedua. Diterjemahkan oleh M. Abdul Ghoffar E.M. Bogor: Pustaka Imam asy-Shafi'i, 2003.
- [21] Ibnu Khaldūn, Abd ar-Rahmān ibn Muḥammad. *The Muqaddimah*. Translated by Franz Rosenthal. Diakses pada 12 Jun 2020. [https://asadullahali.files.wordpress.com/2012/10/ibn\\_khaldun-al\\_muqaddimah.pdf](https://asadullahali.files.wordpress.com/2012/10/ibn_khaldun-al_muqaddimah.pdf).
- [22] Ilias Mahmad. "Amalan Sihir Tukang Sihir Boleh Dihukum Bunuh." *Dewan Agama dan Falsafah* Disember 2003, 26 - 27.
- [23] Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). *Al-Quran dan Terjemahannya*. Kuala Lumpur: Pustaka Darul Iman, 2007.
- [24] Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). *Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. Cet. Kelima. Putrajaya: Bahagian Pengurusan Fatwa, JAKIM, 2015.
- [25] Jasni Sulong. "Pemeliharaan Akidah Islam: Analisis Daripada Sudut Penguatkuasaan Undang-undang dan Fatwa di Pulau Pinang (Safeguard The Islamic Faith: An Analysis From Law and Fatwa Enforcement in Pulau Pinang)." *Afkār* 18, Special Issue (2016): 1-34.
- [26] Kamarul Azmi Jasmi. "Bani Israil dan Ilmu Sihir serta kisah Harut dan Marut: Surah *al-Baqarah* (2: 99-103)." Dalam *Program Budaya al-Quran* pada 7 Mac 2019 di Kolej Tun Fatimah, UTM. Program anjuran Pusat Islam, UTM, 2 (2-2): 1-72.
- [27] Keenan, Mel. "The Western Legal Response to Sorcery in Colonial Papua New Guinea." In *Talking it Through Responses to Sorcery and Witchcraft Beliefs and Practices in Melanesia*, edited by Miranda Forsyth & Richard Eves, 197 – 211. Canberra, Australia: ANU Press, 2015.
- [28] Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). *Garis Panduan Amalan Pengubatan Islam*. Kuala Lumpur: Bahagian Perubatan Tradisional & Komplementari, KKM, 2011.
- [29] Khadher Ahmad, Fauzi Deraman, Mohd Farhan Md Ariffin dan Wan Noor Azila Wan Kamaruzaman. "Persepsi Masyarakat Terhadap Rawatan Alternatif Islam: Satu Kajian Kes di Negeri Selangor D.E." *Jurnal Intelek* 9, no. 2 (2015): 26 - 36.
- [30] Khadher Ahmad dan Ishak Suliaman. "Realiti dan Cabaran dalam Rawatan Islam: Analisis Hadith-hadith tentang Pendekatan dan Kaedah Rawatan Nabi SAW Merawat Penyakit Sihir." Dalam *Sunnah Nabi Realiti dan Cabaran Semasa*, disunting oleh Fauzi Deraman, Ishak Suliaman & Faisal Ahmad Shah, 131 - 148. Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (UM), 2011.
- [31] Khadher Ahmad dan Rushdi Ramli. "Penggunaan Kaedah "Rawatan Jarak Jauh" dalam Rawatan Penyakit di Pusat Rawatan Islam di Malaysia: Satu Analisis Hukum (The Method of "Long Distance Treatment" in Islamic Treatment Centres in Malaysia: An Analysis from Islamic Law Perspective)." *Jurnal Fiqh* 8 (2011): 65-80.
- [32] Khairulnazrin Nasir dan Ishak Suliaman. "Mitologi tentang Makhluk Supernatural dalam Kalangan Etnik-etnik di Daerah Pitas Sabah: Tinjauan menurut Perspektif Islam." *Global Journal al-Thaqafah* 9, no. 1 (July 2019): 113 - 125.
- [33] Mahyuddin Ismail, Zulfakar Ramlee, Jahid Sidek, Mohd. Jim Hamzah, Zainal Abidin Kusmin dan Siti Aisyah Romli. "Kesalahan Jenayah Sihir: Analisa Seksyen 152 Perintah Kanun



- Hukuman Jenayah Syariah Brunei Darussalam (Witchcraft Crime: An Analysis Section 152 of the Syariah Penal Code Order Brunei Darussalam).” *Borneo Research Journal* 11 (December 2017): 60 - 71.
- [34] Mayring, Philipp. “Qualitative Content Analysis: Theoretical Foundation, Basic Procedures and Software Solution.” Diakses pada 8 Jun 2020. <https://www.ssoar.info/ssoar/handle/document/39517>.
- [35] Merriam-Webster. *Hidden (adjective)* (Definition of *hidden*). Diakses pada 10 September 2022. <https://www.merriam-webster.com/dictionary/hidden>.
- [36] Mohd Farhan Md Ariffin, Khadher Ahmad dan Ahmad Za ‘im Sabirin Mohd Yusoff. “Polemik Masyarakat Muslim di Malaysia: Memahami Peranan “Islamic Medicine” Pascamodenisme.” *Labuan e-Journal of Muamalat and Society* 11 (2017): 20 - 29.
- [37] Mohd Farhan Md Ariffin, Khadher Ahmad, Muhammad Ikhlas Rosele & Mohamad Zaim Ismail. “Pusat Perubatan Alternatif Islam di Malaysia: Persepsi Perawat Terhadap Aplikasi Jin Dalam Rawatan.” *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 9 (Januari 2015): 61 - 86.
- [38] Mohd Farhan Md Ariffin, Khadher Ahmad, Nor Izati Samsudin, Mohamad Zaim Ismail dan Muhammad Ikhlas Rosele. “Seni Perubatan Alternatif di Malaysia: Analisis Permasalahan Metode Rawatan (The Art of Alternative Medicine in Malaysia: An Analysis on Treatment Methods).” *Global Journal al-Thaqafah (GJAT)* 3, no. 2 (December 2013): 79 - 90.
- [39] Mohd Jim Hamzah. “Simptom-simptom Lazim Gangguan Makhhluk Halus Berdasarkan Kaedah Pengubatan Islam (Symptoms of Poltergeist Disturbances based on Islamic Medicine).” *Jurnal Penyelidikan Tempawan XXXV* (2018): 78 - 91.
- [40] Mohd. Majid Konting. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.
- [41] Mohd Nizam Sahad dan Shuhairimi Abdullah. “Santau dan Masyarakat Melayu: Analisis dari Perspektif Akidah Islam (Santau and Malay Society: An Analysis from the Perspective of Islamic Aqidah).” *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* 6, no. 2 (2013): 223 - 242.
- [42] Mohd Suhaimi Rozali, Khairul Hamimah Mohammad Jodi dan Mohd Affifuddin Mohamad. “Sihir Tafriq dan Cabaran Rawatannya di Darul Ruqyah.” *E-Journal of Social Science Research* 8 (2020): 36 - 44.
- [43] Na’imah Suleiman. “Prospek Pemakaian Qarinah dan Pendapar Pakar dalam Pembuktian Jenayah Sihir.” Tesis Sarjana, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2014.
- [44] Noor Shakirah Mat Akhir & Muhammad Azizan Sabjan. “Tafakkur as the Spiritual Mechanism for Environment Conservation.” *Journal of Religious & Theological Information* 14, no. 1-2 (2015): 1-12.
- [45] Norita Kamaruddin. *Ulasan Ahli Sihir ke Tali Gantung*, oleh Mahyuddin Ismail. *Jauhar* 2, no.1 (Mac 2018): 13- 17.
- [46] Perlmutter, Dawn. “The Politics in Muslim Magic.” *Middle East Quarterly* 20, no. 2 (Spring 2013): 73-80.
- [47] Phayilah Yama, Ikmal Zaidi Hashim dan Farhah Zaidar Mohamed Ramli. “Kaedah dan Faktor Keberkesanan Perubatan Islam *Ruqyah*: Kajian Kes Dr. Jahid Sidek.” Dalam *4th International*



*Research Management & Innovation Conference (IRMIC 2017)*, Institut Latihan Malaysia (ILIM) Bangi, 7 September 2017, 33 - 52.

- [48] Pusat Rujukan Persuratan Melayu. “*Kamus Dewan Edisi Keempat (Keganasan)*.” Diakses pada 8 Sept 2022. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=Keganasan+>.
- [49] Pusat Rujukan Persuratan Melayu. “*Kamus Dewan Edisi Keempat (Sihir)*.” Diakses pada 1 Jun 2020. <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=sihir&d=176312&#LIHATSINI>.
- [50] Pusat Rujukan Persuratan Melayu. “*Kamus Dewan Edisi Keempat (Tersembunyi)*.” Diakses pada 10 September 2022. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=Tersembunyi>.
- [51] Redding, Sean. “Deaths in the Family: Domestic Violence, Witchcraft Accusations and Political Militancy in Transkei, South Africa, 1904-1965.” *Journal of Southern African Studies* 30, no. 3 (2004): 519-538. <https://doi.org/10.1080/0305707042000254065>.
- [52] Salasiah Hanin Hamjah. “Bimbingan Spiritual Menurut al-Ghazālī dan Hubungannya dengan Keberkesanan Kaunseling: Satu Kajian di Pusat Kaunseling Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (PK MAINS).” *Islāmiyyāt* 32 (2010): 41-61.
- [53] Syaherah Mustafa. “Api Misteri Muncul Lagi.” *Berita Harian Online*, 31 Disember 2019. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2019/12/642786/api-misteri-muncul-lagi>.
- [54] Wahid Ibn Abdussalam Bali. *Sword Against Black Magic & Evil Magicians*. Translated by Chafik Abdelghani. London: Al-Firdous Ltd., 2004.
- [55] World Health Organization (WHO). *World Report on Violence and Health: Summary*. Geneva: World Health Organization (WHO), 2002.
- [56] Yin, Robert K. *Qualitative Research from Start to Finish*. New York, NY: The Guilford Press, 2011.